

# Keusahawanan medium perkasa ekonomi wanita

B/HARIAN 23/7/19 MS 11

Norlin  
Abdullah



Ketua Penolong Pengarah Pusat  
Usahawan MARA (PUSMA) Johor

**Wanita** semakin giat menceburi diri dalam bidang perniagaan, bahkan banyak perniagaan hari ini dikuasai mereka. Hal ini bukan baru kerana pada 1,400 tahun lalu, Saidatina Khadijah sudah terkenal sebagai usahawan wanita berjaya sebelum berkahwin dengan Rasulullah SAW.

Aktiviti perniagaan diusahakan Saidatina Khadijah merentasi sempadan negeri sehingga ke peringkat antarabangsa. Justeru, layak beliau dilabel contoh usahawan wanita terbaik bagi golongan hawa yang berminat dalam bidang keusahawanan.

Rasulullah SAW juga usahawan berjaya. Selaras dengan Islam se-

bagai satu cara hidup, baginda menunjukkan akhlak terpuji sepanjang mengendalikan perniagaan.

Baginda amat terkenal dengan sifat amanah dalam berurusan dengan orang ramai sehingga dikenali dengan gelaran al-Amin oleh penduduk Makkah.

Keadilan ditunjukkan Baginda SAW serta akhlak mulia yang dipamerkan menyumbang kepada kejayaan dalam perniagaan.

Akhlak merujuk sifat mulia dan nilai murni dimiliki usahawan. Ia menjadi asas kejayaan dalam menjalankan perniagaan mereka.

Ada lima kriteria usahawan Muslim berjaya. Dua daripadanya ialah berpegang teguh dengan cara hidup Islam dan penghayatan nilai murni.

Cara hidup Islam dan penghayatan nilai murni adalah gaya hidup Islam yang terangkum di dalamnya elemen akidah, ibadah dan akhlak.

Usahawan wanita pula, adalah wanita yang mempunyai motivasi untuk membangunkan perniagaan sendiri. Mereka ini yang me-

miliki perniagaan bersaiz kecil, sederhana dan besar.

Wanita yang menceburi bidang keusahawanan ini memulakan, memiliki, mengelola, mengurus dan mengambil risiko dalam perniagaan mereka.

Merekalah pengurus, iaitu merujuk kepada sikap, nilai, pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan seseorang itu mampu dan cekap untuk mencari, mengenali, merebut peluang dan menterjemahkannya kepada strategi serta usaha perniagaan bagi mendapatkan keuntungan.

Pembabitan wanita dalam bidang ini amat menggalakkan kerana mereka sedar keadaan ekonomi semasa menuntut masing-masing untuk turut serta dalam bidang perniagaan. Justeru, wanita kini lebih terbuka dan mempunyai idea serta kesungguhan untuk berniaga.

Perkembangan ekonomi masa kini yang menyaksikan perubahan begitu drastik dalam strategi perniagaan dan pemasaran, memerlukan usahawan wanita agar mempersiapkan dan memperka-

sakan diri mereka supaya duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan usahawan lain.

Perkembangan ekonomi menerusi k-ekonomi, perniagaan elektronik, pemasaran elektronik adalah contoh pembaharuan yang perlu diketahui dan dipelajari usahawan wanita.

Rempuhan arus globalisasi tidak mengenal jantina dan menjadi tanggungjawab bagi usahawan wanita agar menghadapi rempuhan itu.

Caranya dengan memperkaya khazanah ilmu pengurusan perniagaan, mempelbagaikan teknik pengeluaran dan pemasaran, memperkukuhkan jaringan perniagaan, proaktif dalam meneroka peluang perniagaan baharu, mengutamakan kualiti produk dan perkhidmatan yang ditawarkan agar tidak kecundang dalam bidang perniagaan diceburi atau berada dalam lingkaran rancangan mereka yang belum sempat dilaksanakan.

Status sebagai wanita bukan batu penghalang untuk maju dan berkembang atau dijadikan tiket

meminta simpati sepanjang masa, tanpa dapat membuktikan kemampuan dan kredibiliti mereka untuk bergelar usahawan berjaya.

Pembabitan usahawan wanita semakin meningkat dan memamerkan impak positif terhadap perkembangan ekonomi negara. Keadaan ini mendorong lebih ramai wanita membabitkan diri secara aktif dalam dunia keusahawanan dan perniagaan.

Dengan status mereka yang mendominasi populasi masyarakat di Malaysia, wanita pastinya menyumbang kepada pembangunan negara.

Selain menjadi isteri, ibu dan anak, wanita juga berperanan sebagai tonggak ke arah membentuk generasi penyayang dan progresif pada masa hadapan.

Justeru, peningkatan penyertaan wanita dalam bidang keusahawanan adalah sebahagian daripada agenda utama dalam pemerkesaan ekonomi wanita di Malaysia, yang secara tidak langsung dapat mencipta pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan lebih baik.